POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

MS ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH

POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (PSUK Kelantan) sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti dan mengamalkan sikap amanah di dalam segala urusan pentadbiran berteraskan kepada prinsip ‘Ubudiyyah, Mas’ Uliyyah dan Itqan’ (U.M.I).

Polisi konflik kepentingan ini bertujuan untuk menyokong secara langsung nilai-nilai Teras, Kod Etika dan Tadbir Urus PSUK Kelantan. PSUK Kelantan sentiasa mengharapkan agar warganya meletakkan nilai integriti dan amanah yang tinggi di dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Ia juga bertujuan untuk memberikan panduan kepada warga PSUK Kelantan dalam menangani isu percanggahan kepentingan.

Polisi ini memberi peluang kepada semua kakitangan PSUK Kelantan, Pelabur, Pelanggan, Perunding, Vendor, Kontraktor, Agensi atau mana-mana pihak yang mempunyai hubungan rasmi dengan PSUK Kelantan untuk mengisytiharkan kepentingan peribadi menurut prosedur yang disediakan di bawah polisi ini dan untuk memberi perlindungan kepada pekerja dan pihak berkaitan yang melaporkan dakwaan tersebut.

PENGENALAN

Polisi Percanggahan Kepentingan ini bertujuan untuk menyokong secara langsung Visi, Misi, Objektif, Kod Etika dan Tadbir Urus PSUK Kelantan.

PSUK Kelantan sentiasa mengharapkan warga kerja PSUK Kelantan meletakkan nilai Integriti dan amanah yang tinggi di dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Polisi Konflik Kepentingan ini juga bertujuan untuk memberikan panduan kepada warga kerja PSUK Kelantan dalam menangani isu percanggahan kepentingan di PSUK Kelantan.

DEFINISI

WARGA KERJA

Merujuk kepada tafsiran “Warga Kerja” ertinya seseorang pegawai atau kakitangan yang dilantik secara tetap, lantikan tetap bercarum negeri, sementara, kontrak atau mystep oleh kerajaan negeri Kelantan.

PIHAK KETIGA

“Pihak ketiga” ertinya pelabur, pelanggan, perunding, vendor, kontraktor, Agensi, persatuan atau mana-mana pihak yang berurusan dengan Pejabat SUK Kelantan.

SAUDARA DAN SEKUTU

“Saudara” dan “sekutu” ertinya kepada di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) seperti berikut :-

i. Isteri atau suami orang itu;

ii. Adik atau abang atau kakak orang itu;

iii. Adik atau abang atau kakak/suami orang itu;

iv. Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;

v. Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;

vi. Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; dan

vii. Menantu orang itu;

KONFLIK KEPENTINGAN

i. “Konflik kepentingan” ertinya konflik antara kepentingan peribadi seseorang dengan tanggungjawab rasminya yang boleh mempengaruhi secara salah dalam pelaksanaan tugas.

ii. Tugasan kerja yang melibatkan ahli keluarga atau kakitangan yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat boleh menimbulkan konflik kepentingan sebenar serta boleh mewujudkan suasana kerja yang negative atau tidak professional seperti yang terkandung di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 seperti berikut :-

Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan;

23. (1) mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan kedudukannya untuk apa-apa suapan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan kesalahan;

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai tu atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

KONFLIK KEPENTINGAN

1) Anggota Pentadbiran & warga kerja PSUK Kelantan yang mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana proses kerja hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Jabatan.

2) Ketua Jabatan hendaklah menggantikan mana-mana pegawai & warga kerja PSUK yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.

3) Pengurusan tertinggi dan warga kerja PSUK Kelantan yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat serta meninggalkan mesyuarat tersebut, dan

4) Urus setia mesyuarat hendaklah merekodkan pengisytiharan kepentingan pegawai dan tindakan pegawai tersebut meninggalkan mesyuarat dalam minit mesyuarat.

PEMATUHAN

1) Kegagalan atau keengganan warga PSUK Kelantan mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Kelantan (Kelakuan Dan Tatatertib) 1996 (Pindaan 2009).

2) Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Pengurusan Tertinggi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Bahagian Integriti dan Tadbir Urus atau mana-mana Badan Pengawal berkaitan untuk tindakan.

RUJUKAN

1. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Kelantan (Kelakuan Dan Tatatertib) 1996 (Pindaan 2009)
2. Pekeliling Am Negeri Kelantan Bil 1 Tahun 2008
3. Kod Etika Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan (Pindaan 2009)
4. Pelan Antirasuah Negeri Kelantan (2020 – 2024)

DIBACA BERSAMA TINDAKAN PEMATUHAN YANG TERTERA DI DALAM POLISI INI SEKIRANYA INGKAR.

Lampiran A

BORANG KONFLIK KEPENTINGAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Saya _____ No. K/P: _____

dengan ini mengisytiharkan bahawasanya:

☐ Saya, anggota keluarga dan/ atau tanggungan saya **TIDAK MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam apa jua perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai Penjawat awam.

☐ Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **SESUNGGUHNYA MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam perkara tertentu yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai Penjawat awam. Butir-butir perkara berkenaan dinyatakan di bawah ini: -

Syarikat/Organisasi/ Individu yang terbabit:

_____

_____

Hubungannya dengan pengurusan tertinggi / kakitangan Pejabat SUK Kelantan

_____

_____

Jawatan anggota keluarga/tanggungan di dalam syarikat

_____

_____

Kepentingan kewangan yang terbabit (sila nyatakan dengan khusus jenis dan nilai):

RM _____

Dengan ini saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar, betul dan lengkap.

Saya mengakui bahawa saya akan membuat satu perisytiharan lagi untuk menyatakan sebarang perubahan dalam apa-apa perkara yang terkandung di dalam pengisytiharan ini dalam masa satu bulan selepas berlaku perubahan tersebut dan akan menyediakan maklumat lanjut mengenai butir-butir yang terkandung di dalam perisytiharan ini jika dikehendaki berbuat demikian.

Saya juga faham bahawa jika saya dibuktikan telah mengemukakan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, saya akan dikenakan hukuman sebagaimana yang ditentukan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan mengikut budi bicara mutlaknya setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

Tandatangan:

Nama:

No. K/P:

Tarikh:

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA LIHAT:

Polisi Konflik Kepentingan